

Nama :

Kelas :

Tarikh :

Susunkan maklumat berikut dengan abjadnya untuk menunjukkan perkembangan pilihan raya di Persekutuan Tanah Melayu.

A. Pilihan Raya Majlis Perbandaran Yang Pertama (1951) - diadakan di George Town , Pulau Pinang. - untuk memilih 9 orang ahli Pesuruhjaya Perbandaran George Town. - sebelum ini ahli Majlis Perundangan Negeri dilantik oleh Gabenor Negeri-negeri Selat. - hari pendaftaran pemilih diadakan selama 6 minggu (17Mei1951 – 30Jun1951) - 14,514 pengundi mendaftar untuk buang undi.	B. Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 - wujud peruntukan untuk mengadakan pilihan raya di Persekutuan Tanah Melayu.	C. Pilihan Raya Peringkat Negeri (1954) - Perikatan UMNO – MCA telah memenangani 226 kerusi daripada 268 kerusi negeri. - Hal ini menunjukkan kerjasama antara kaum dalam politik dapat diterima oleh masyarakat pada masa itu.	D. Pilihan Raya Majlis Perbandaraan Kuala Lumpur (1952) - 12 kerusi Majlis Perbandaraan Kuala Lumpur dipertandingkan untuk kawasan Sentul, Bangsar ,Imbi , dan Petaling Jaya - UMNO bahagian Kuala Lumpur dan MCA bahagian Selangor mula mengadakan kerjasama dan bergabung untuk membentuk apa yang dikenali sebagai “Perikatan”. - Pilihan raya majlis perbandaran kemudian diadakan juga di Johor Baru, Ipoh, Alor Setar ,Merlaka dan Seremban. - Kerjasama parti UMNO – MCA terus mendapat kemenangan dalam pilihan raya majlis perbadaraan
E. Jawatankuasa Pilihan Raya - diwujudkan oleh Kerajaan Persekutuan bagi Majlis Mesyuarat Perundangan untuk mengkaji dan membuat cadangan tentang pilihan raya.	F. Ordinan Pilihan Raya Pihak Berkuasa Tempatan (1950) - diwujudkan untuk memberi kuasa kepada majlis tempatan untuk mengadakan pilihan raya.		

JAWAPAN : Pilih dan susunkan abjad maklumat tersebut untuk menunjukkan kronologi perkembangan pilihan raya di Persekutuan Tanah Melayu (1950 – 1953)

